

**Entiti Baru Diwujudkan Bagi Cipta Semula Kraftangan Warisan Negara - Rais Bernama
17 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan akan mewujudkan sebuah entiti baru di bawah Kraftangan Malaysia dan Jabatan Muzium Malaysia dalam masa terdekat bagi mencipta semula kraftangan warisan negara yang semakin dilupakan.

Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata melalui entiti baru itu yang dinamakan Jabatan Rekreasi, sesuatu ciptaan yang lama dan usang dapat dihasilkan semula dan seterusnya menarik perhatian pelancong.

"Misalnya gelang kaki yang dahulunya diperbuat daripada emas boleh kita hasilkan replika dan seterusnya boleh dijual agar orang ramai serta pelancong dapat membelinya sebagai cenderahati," katanya pemberita selepas majlis perasmian Muzium Tekstil Negara oleh isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor di sini, Selasa.

Rais bekrata tekstil sama ada sarung yang diminati atau batik yang mempunyai corak cantik boleh ditekup semula, begitu juga daripada segi anyaman, tenunan dan tekapan kain yang boleh diwujudkan semula.

Rais berkata industri kraftangan negara menyumbang pendapatan sebanyak RM305.3 juta tahun lepas dan menerusinya seramai 7,461 usahawan seluruh Malaysia menjayakan perusahaan industri kraftangan.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659715>